

Terma Rujukan Skim Perlindungan Insurans Berkelompok Pelajar USM

1. Skim Perlindungan Insuran Kemalangan Berkelompok Pelajar telah mula dilaksanakan pada Sidang Akademik 2005/2006 hingga 2009/2010 melalui Malaysian Assurance Alliance Berhad (MAA). Mulai Sidang Akademik 2010/2011 sehingga 2014/2015 perlindungan insuran ini telah dipertanggungjawabkan kepada MAA Takaful.
2. Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni (PPPA) bertanggungjawab sebagai urusetia dalam menguruskan insurans pelajar-pelajar. No. telefon am Pejabat Pemajuan dan Perhubungan Alumni adalah 04-653 4796/3114 manakala No. faksimilinya adalah 04-6588740.
3. Semua pelajar penuh masa, pelajar Ijazah Pertama Jarak Jauh, dan pelajar Ijazah Tinggi secara automatik dikenakan bayaran untuk insuran melalui Yuran Tunas Alumni dan ianya merupakan yuran tidak berulang dan dikenakan sekali sahaja dalam tempoh pengajian.
4. Setiap pelajar akan dilindungi sepanjang tempoh pengajiannya di USM, 24 jam di serata dunia, namun segala bayaran adalah dalam Ringgit Malaysia.
5. Perlindungan ini adalah untuk 'Personal Accident' sahaja.
6. **Pelajar yang 'extend' perlu memaklumkan kepada pihak PPPA dan perkara ini akan dimaklumkan kepada pihak insuran. Bayaran tambahan akan dikenakan kepada pelajar-pelajar ini.**
 - * Jika pelajar tidak memaklumkan perkara ini, kesulitan akan timbul bila berlakunya kemalangan. Sehubungan itu, bagi mengelakkan kesulitan ini, pelajar atau pusat pengajian perlu memaklumkan maklumat pelajar yang 'extend' kepada PPPA.

7. Pusat Pengajian perlu memaklumkan kepada PPPA mengenai aktiviti pelajar dengan menyertakan maklumat-maklumat berikut:-

- a) Maklumat Program (tarikh, tempat, bilangan pelajar)
- b) Nama Pelajar
- c) No Matrik/ Sidang Akademik
- d) No. Kad Pengenalan

8. Sekiranya berlaku kemalangan semasa program/aktiviti, pelajar perlu mengisi borang tuntutan berkaitan dengan menyertakan :

- a) Borang Tuntutan Asal
- b) Salinan Kad Pengenalan
- c) Laporan Polis (jika berkaitan)
- d) Laporan Doktor
- e) Salinan Kad Pelajar
- f) Sijil Cuti Sakit
- g) Sijil Discaj

oooOOOooo